

PLUS LAKSANA KERJA PENYELENGGARAAN JALAN KONKRIT DI HENTIAN SEBELAH SERDANG (ARAH SELATAN) UNTUK BERI LEBIH KESELESAAN**- Laluan kenderaan berat ditutup sementara secara berperingkat bagi kerja naik taraf jalan**

Petaling Jaya, 7 Julai 2025 :- Dalam usaha meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) akan melaksanakan kerja penyelenggaraan jalan konkrit secara berperingkat di **Hentian Sebelah Serdang (Arah Selatan), KM308.20**. Sepanjang tempoh ini, laluan masuk untuk kenderaan berat ke hentian sebelah tersebut akan **ditutup sementara secara berperingkat mulai jam 8:00 pagi, 7 Julai hingga 12:00 malam, 31 Julai 2025** bagi membolehkan kerja naik taraf dilaksanakan dengan lancar.

Sehubungan itu, pengguna kenderaan berat dinasihatkan supaya menggunakan kemudahan parkir yang terdekat sebagai alternatif sepanjang tempoh kerja-kerja tersebut dijalankan.

Walau bagaimanapun, kemudahan lain dan parkir kenderaan kelas satu di hentian sebelah tersebut masih beroperasi seperti biasa.

Justeru, pengguna lebuhraya dinasihatkan supaya merancang perjalanan mereka dengan menggunakan Aplikasi PLUS untuk mendapatkan maklumat trafik terkini. Mereka juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh kakitangan PLUS (Petugas Lebuhraya) ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuhraya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Pembantu Maya PUTRI, Aplikasi X@plustrafik, Papan Tanda Elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:**Mashitah Mohd Arshad**

Pemangku Ketua
Komunikasi Korporat
PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 013-2097092
Emel: mashitah@plus.com.my

Rofina Adam

Pengurus
Komunikasi Korporat
PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 012-657 4452
Emel: rofina@plus.com.my